



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
1999010010061 (475961-X)


Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



**BUKU PANDUAN
JIMAT AIR
2023**

MENGAPA KITA PERLU JIMAT AIR DI PULAU PINANG?

Jumlah Penggunaan Air di Pulau Pinang (juta liter/sehari – JLH)



- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah diperbadankan pada tahun 1999. Dalam tempoh 1999 hingga 2022, penduduk Pulau Pinang meningkat sebanyak 41.5% daripada 1.23 juta orang kepada 1.74 juta orang. Sumbangan KDNK Pulau Pinang meningkat sebanyak 482%, daripada RM17 bilion pada tahun 1999 kepada RM99 bilion pada tahun 2021. Sementara itu, KDNK per kapita negeri kita juga telah meningkat secara mendadak: sebanyak 332%, daripada RM13,820 pada tahun 1999 kepada RM59,685 pada tahun 2021.


MENGAPA KITA PERLU JIMAT AIR DI PULAU PINANG?

- Ada harga yang perlu dibayar untuk kemajuan : Pada tahun 2023, salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh Pulau Pinang sebagai negeri progresif dengan keluasan tanah yang kecil (hanya 1,031 km persegi) ialah permintaan air yang melonjak dan sumber air mentah yang terhad.
- Lebih ramai orang dan lebih banyak perniagaan pasti memerlukan lebih banyak bekalan air. Pada tahun 1999, penggunaan air terawat harian Pulau Pinang ialah 536 juta liter sehari (JLH). Pada 2022, Pulau Pinang perlu membekalkan 868 JLH untuk memenuhi permintaan air Pulau Pinang yang lebih tinggi. Perbezaan antara 868 JLH pada tahun 2022 dan 536 JLH pada tahun 1999 ialah 332 JLH.
- 332 JLH adalah jumlah air yang besar. Bayangkan kolam renang bersaiz Olimpik yang menampung 2.5 juta liter air. 332 JLH boleh mengisi kira-kira 133 kolam renang bersaiz Olimpik, setiap hari.
- Pada tahun 1999, satu-satunya sumber air mentah utama Pulau Pinang ialah Sungai Muda. Pada tahun 2023, Pulau Pinang masih sangat bergantung hanya kepada Sungai Muda; dan PBAPP mengabstrak air mentah dari Sungai Muda di hilir 14 loji rawatan air Kedah dan 4 muka sauk pengairan.
- Sehingga 2023, Pulau Pinang masih menunggu Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS). Sehingga SPRWTS direalisasikan untuk menyalur lebih banyak air mentah ke Pulau Pinang, kita menghadapi risiko kekurangan air pada setiap musim kemarau tahunan, terutamanya jika berlaku fenomena El Niño yang panas dan kering sekaligus menurunkan paras empangan dan paras air Sungai Muda dengan pantas.
- Tanpa SPRWTS, perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang juga sangat terdedah kepada kejadian yang berlaku di Kedah, hulu muka sauk air mentah PBAPP di Sungai Muda. Pada Julai 2022, banjir kilat di Kedah mencetuskan krisis air di seluruh negeri Pulau Pinang apabila air sungai yang sangat keruh memasuki Loji Rawatan Air Sungai Dua.

MENGAPA KITA PERLU JIMAT AIR DI PULAU PINANG?


Pulau Pinang 2022 : Penggunaan Domestik vs Bukan Domestik

■ Domestik ■ Bukan Domestik



- PBAPP merayu kepada isi rumah untuk mengurangkan penggunaan air kerana 61.6% daripada jumlah penggunaan air di Pulau Pinang pada 2022 (lebih kurang 534 JLH daripada 868 JLH) adalah penggunaan domestik. Pengguna domestik menggunakan lebih banyak air berbanding kilang, hotel, pusat membeli-belah, bangunan pejabat, pejabat kerajaan dan gabungan pengguna bukan domestik yang lain.
- Jadi, mengurangkan penggunaan domestik mempunyai kesan yang besar dalam mengurangkan penggunaan keseluruhan.

MENGAPA KITA PERLU JIMAT AIR DI PULAU PINANG?



- Penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang ialah 307 liter/kapita/hari pada 2022. Ia adalah 26% lebih tinggi daripada purata nasional pada 2020 dan 94% lebih tinggi daripada statistik untuk Singapura pada 2021.
- 307 LCD adalah tidak rasional atau mampan. Ia menjadikan Pulau Pinang berisiko tinggi mengalami krisis air pada setiap musim kemarau. Sila kurangkan penggunaan air di rumah.

TIP-TIP PENJIMATAN AIR




- ELAK GUNAKAN HOS UNTUK MENYIRAM POKOK ATAU TAMAN ANDA.
- SILA GUNAKAN BEKAS PENYIRAM.

TIP-TIP PENJIMATAN AIR

- ELAK GUNAKAN HOS UNTUK MENCUCI KERETA ATAU MOTOSIKAL ANDA.
- SILA GUNAKAN BALDI, KAIN DAN SPAN.



TIP-TIP PENJIMATAN AIR



- KURANGKAN KEKERAPAN MENCUCI KERETA ATAU MOTOSIKAL ANDA.
- KOTORAN BOLEH DILAP, JADI CUCI HANYA BILA SANGAT-SANGAT DIPERLUKAN.

TIP-TIP PENJIMATAN AIR

- JANGAN BIARKAN AIR PAIP MENGALIR.
- BUKA PAIP HANYA APABILA ANDA INGIN MEMBILAS TANGAN, MAKANAN ATAU BARANG LAIN.



TIP-TIP PENJIMATAN AIR



- DIDIK ANAK-ANAK ANDA UNTUK MENUTUP PILI AIR DENGAN BETUL.
- MEREKA JUGA BOLEH MEMBANTU ANDA UNTUK MENJIMAT AIR.

TIP-TIP PENJIMATAN AIR

- JANGAN GUNAKAN HOS UNTUK MEMBERSIHKAN RUMAH ATAU HALAMAN RUMAH ANDA.
- SILA GUNAKAN MOP, PENYAPU DAN TONG SAMPAH.



TIP-TIP PENJIMATAN AIR




- SILA BAIKI SEMUA PAIP, PILI DAN KEPALA PAIP YANG BOCOR DENGAN SEGERA.

TIP-TIP PENJIMATAN AIR

- PASANG PERANTI JIMAT AIR (WSD) DI RUMAH ANDA. WSD MEMBANTU ANDA UNTUK "JIMAT AIR SECARA AUTOMATIK".
- WSD TERMASUK PILI AIR, PANCURAN MANDIAN, SISTEM SIRAMAN TANDAS DAN MESIN BASUH..





**"No water, no life.
No blue, no green."**

Dr. Sylvia Earle,
oceanographer.

TIP-TIP JIMAT AIR TAMBAHAN

- Jangan biarkan pili air mengalir semasa mencuci pakaian anda dengan tangan. Bukanya hanya apabila anda membilas.
- Jangan biarkan pili air mengalir semasa memberus gigi. Bukanya hanya apabila hendak mencuci mulut anda.
- Semasa mandi, jangan biarkan pancuran mandian mengalir semasa menyabun badan anda. Buka pili hanya bila hendak membilas badan anda.
- Semasa mencuci rambut, tunggu sehingga anda selesai menggunakan syampu sebelum menggunakan pancuran mandian.
- Pendekkan masa mandi.
- Jangan buang sampah ke dalam tandas. Masukkan ke dalam tong sampah.
- Jangan biarkan anak anda bermain dengan hos atau menyembur air tanpa keperluan.

Hubungi Pusat Panggilan 24-Jam PBAPP

04 255 8 255

untuk melaporkan kebocoran pada sesalur utama
atau paip di tepi jalan dengan segera.



PBAPP sedang bersiap sedia untuk membekalkan lebih banyak air berbanding sebelum ini bagi menyokong pencapaian visi "Penang2030" Kerajaan Negeri.

Jika Pulau Pinang mahu menjadi "negeri hijau dan pintar berfokuskan keluarga yang memberi inspirasi kepada negara", ia tidak mampu untuk kehabisan air.

Walau bagaimanapun, pada 2023, sumber air mentah kita adalah terhad dan hujan menjadi semakin tidak dapat diramalkan akibat perubahan iklim. Namun begitu, permintaan air Pulau Pinang telah mencapai paras tertinggi sepanjang masa.

Jadi, sebagai pengguna air domestik di Pulau Pinang, anda mempunyai peranan penting dalam menentukan kemampaman perkhidmatan bekalan air kita. Sila kurangkan penggunaan air di rumah.

Jimat Air untuk Masa Depan Kita.



Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Level 32, KOMTAR, Jalan Penang, 10000 George Town,
Pulau Pinang, Malaysia.
24-hour Call Centre : 04 255 8 255
Email : customer@pba.com.my | www.pba.com.my